

Banjir di Pahang, Perak dan Kelantan semakin pulih

KUALA LUMPUR

- Keadaan banjir di Pahang, Perak dan Kelantan semakin pulih apabila jumlah mangsa di negeri itu menurun kepada 23,772 orang setakat pukul 10 malam tadi berbanding 30,891 mangsa kelmarin.

Di **Pahang**, Juru-cakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, daerah Pekan masih menempatkan mangsa banjir paling ramai iaitu 9,951 orang, diikuti Maran (2,618

orang), Temerloh (1,405 orang), Kuantan (1,122 orang), Bera (534 orang) dan Jerantut (194 orang).

Di **Perak**, jumlah mangsa banjir menurun kepada 4,745 mangsa daripada 1,325 keluarga.

Di **Kelantan**, jumlah mangsa menurun kepada 3,203 orang di empat jajahan iaitu Kuala Krai (1,747 orang), Gua Musang (1,157 orang), Tanah Merah (199 orang) dan Machang (100 orang).